

14 JUL 2003

Mahathir-Pertahanan/I

M'SIA KAJI KEMUNGKINAN DAPATKAN KEPERLUAN PERTAHANAN DARI UKRAINE

Oleh: Mohd Kamel Othman

KIEV (Ukraine), 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sedang mengkaji kemungkinan mendapatkan beberapa keperluan pertahanannya daripada Ukraine terutama dalam keupayaan pertahanan udara.

"Kami sedar bahawa anda mempunyai banyak keupayaan pertahanan dan kepandaian teknologi dalam industri pertahanan," katanya pada sidang media bersama dengan Presiden Ukraine Leonid D. Kuchma di Istana Mariinsky di sini pada Isnin di mana kedua-dua pemimpin mengetuai delegasi masing-masing bagi mesyuarat dua hala.

Sambil berkata beliau telah diberi taklimat dan demonstrasi mengenai keupayaan pertahanan udara Ukraine, Dr Mahathir berkata Malaysia boleh belajar banyak daripada Ukraine dari segi pertahanan.

Ditanya sama ada sebarang persetujuan dicapai pada mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata: "Kami belum membuat apa-apa perjanjian yang konkrit sebenarnya tetapi agak jelas bahawa terdapat bidang yang saling melengkapi antara Malaysia dan Ukraine yang boleh diusahakan terutama dalam bidang perindustrian."

Perdana Menteri memberi contoh bahawa Malaysia kini memberi tumpuan kepada teknologi maklumat dan multimedia sedangkan Ukraine mempunyai banyak teknologi yang berkaitan dengan pertahanan dan peralatan lain.

Sementara itu, Kuchma berkata Malaysia selain daripada sebagai sebuah negara yang berpengaruh di rantau mempunyai potensi ekonomi yang luas yang harus diteroka oleh Ukraine.

Beliau berkata, Ukraine mempunyai industri ketenteraan yang maju dan semasa era Soviet, 40 peratus daripada industrinya berkaitan dengan pertahanan yang termasuk industri ruang angkasa, pembinaan kapal, pembinaan kereta kebal dan persenjataan perang elektronik.

"Kami menawarkan peralatan yang boleh dipercayai dan harganya adalah kompetitif," katanya.

Kuchma juga berkata kerajaan beliau akan memansuhkan keperluan visa bagi diplomat serta ahli perniagaan dan akan mempermudah keperluan visa bagi pelawat untuk meningkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Mengenai penuntut Malaysia yang belajar di Ukraine, Dr Mahathir berkata Malaysia berharap untuk meningkatkan bilangan penuntut yang belajar di universiti-universiti Ukraine.

Kini terdapat lebih kurang 500 penuntut Malaysia di Ukraine yang kebanyakannya mengikuti pengajian dalam bidang perubatan.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali diberi sambutan penuh istiadat di Mariinskyi Palace dengan mereka disambut oleh Kuchma.

Perdana Menteri yang kini berada dalam rangka lawatan rasmi selama empat hari, kemudian memeriksa perbarisan kehormat sebelum memulakan perbincangan dua hala.

Dr Mahathir merupakan pemimpin tertinggi Malaysia yang melawat bekas negara republik Soviet itu sejak hubungan diplomatik diwujudkan antara kedua-dua negara pada Mac 1991.

Ukraine, yang terletak di tenggara benua Eropah Tengah merupakan negara terbesar selepas Rusia di timur Eropah meliputi kawasan seluas 600,000 kilometer persegi.

Ia kaya dengan sumber-sumber semulajadi dan salah sebuah daripada pusat utama di dunia bagi pengeluaran gula, untuk keperluannya dan juga bagi

tujuan eksport.

Ia disempadani Laut Hitam, Belarus, Hungary, Moldova, Poland, Romania, Rusia dan Slovakia.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan menghadiri satu majlis makan malam yang dianjurkan oleh Kuchma pada malam Isnin.

Pada Selasa, Dr Mahathir akan berlepas ke Odessa, di selatan bahagian tengah Ukraine, yang merupakan pelabuhan perdagangan dan perikanan yang terulung di negara itu.

Beliau akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usahasama antara JM Ventures Sdn Bhd dan Odessa Port Transshipment Complex LLC, kerjasama teknikal antara Yasmin Marine Technology Sdn Bhd dan syarikat-syarikat negara Ukraine dan antara AMP Corporation (M) Sdn Bhd dan Iskra-State Electro Machine Building Plant.

Dr Mahathir juga akan diberi taklimat mengenai penubuhan Pusat Dagangan Malaysia, dibawa melawat Pelabuhan Odessa dan kemudahan menyimpan minyak sawit sebelum berangkat ke Simferopol, di selatan Odessa, yang merupakan pusat pentadbiran, ekonomi dan budaya yang di tebing Sungai Salgir.

-- BERNAMA

MKO HS PR